

**NOVEL PENENUN CINTA** oleh Ibnu Ahmad Al- Kurauwi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016. Halaman 329. ISBN: 978-983-490-4050.

### **Sinopsis Cerita Penenun Cinta**

Kisah novel *Penenun Cinta* yang digarap oleh penulis Ibnu Ahmad Al-Kurauwi dimulakan dengan kehadiran seorang lelaki tua di rumah Allah yang memberikan kejutan besar pada petang yang dilatari waktu sebelum Asar. Sosok tubuh imam tua atau dikenali Haji Azman disambut oleh jemaah masjid Muaz bin Jabal dengan pelbagai reaksi kesedihan dan kegembiraan. Isteri Haji Azman iaitu Kak Mar terlihat tetap setia di samping suami. Haji Azman amat dikenali bukan kerana jawatan Imam yang disandang tetapi ketokohan beliau dalam bidang agama. Beliau ibarat permata yang bersinar bagi meluaskan syiar Islam dalam kalangan penduduk di kawasan Setiawangsa. Kehilangan imam tua ini dek kerana ujian kegelapan yang menarik segala nikmat cahaya dan inilah dugaan bernama koma.

Daya kreativiti dalam puncak penceritaan *Penenun Cinta* telah diolah oleh penulis melalui teknik penceritaan yang menarik iaitu teknik imbas semula. Segala kisah dan konflik yang menjadi inti pati novel berkisar tentang segala peristiwa dan kenangan yang berlaku dalam kehidupan watak utama. Sepanjang menongkah arus kegelapan dan kesunyian itu, pelbagai konflik telah menerjah masuk ke ruang pemikiran Haji Azman antaranya, kisah masalah percintaan gadis bernama Nur dan isu lelaki berjubah putih yang dikatakan penjaga kepada seorang budak lelaki bernama Ramadan. Semangat jihad yang disalah ertikan oleh Imran seorang pemuda dan isu kepercayaan tahyul dan khurafat yang selalu dikonotasikan dengan gelap dan diajarkan kepada anak-anak turut melatari klimaks novel ini. Pelbagai masalah kebudayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam turut dimasukkan oleh penulis dalam menambah nilai estetika novel *Penenun Cinta*.

Di alam tidak sedar dan bersendirian ini barulah Haji Azman tahu akan pelbagai kepercayaan dan budaya yang diamalkan sememangnya bertentangan di sisi agama. Dalam masa yang sama, kegelapan yang menjadi ujian bagi dirinya sebagai hamba bukanlah ibarat titik noktah dan simbolik kematian yang bakal menjemputnya kerana, di alam ini Haji Azman cuba mencari apakah erti nikmat. Gelap juga adalah makhluk ciptaan Allah dan satu nikmat berharga untuk manusia. Dugaan ini mengajar beliau akan kebergantungan kepada cinta agung yakni cinta kepada Allah.

Babak yang menjadi tonggak kepada aspek peleraian cerita telah dilakukan oleh penulis menerusi pemaparan kisah Haji Azman yang akhirnya pulih daripada koma, kehadiran beliau di masjid itu sebagai tanda nikmat kesembuhan yang dikurniakan oleh Allah. Maka, Haji Azman menzahirkan kesyukuran melalui tazkirah bersama jemaah masjid pada petang itu yang berteraskan segala pengalaman sepanjang koma yang dialami. Perkongsian kisah tersebut bertujuan untuk memberi iktibar kepada insan lain untuk menjadi penenun cinta Ilahi. Kisah ini diakhiri dengan penerapan waktu Asar yang diolah penulis untuk mencerminkan solat adalah masa untuk *bertemu Allah* bukanlah masa yang paling sibuk dengan urusan duniawi. Plot penceritaan *Penenun Cinta* seiring dengan pengukuhan ajaran Islam yang berpaksikan kepada rukun Iman dan rukun Islam.

### **Fokus Ulasan**

Ulasan karya ini dilakukan dengan dikaitkan penerapan Islam dalam pembentukan ilmu psikologi telah dijelaskan oleh Mohd Abbas Abdul Razak & Nik Ahmad Hisham (2012), bahawa manusia moden kini dalam kekaburan tentang topik pemahaman jiwa. Keadaan ini

kerana pemahaman psikologi Barat yang melihat manusia sebagai objek kajian yang tiada kaitan dengan unsur keagamaan. Justeru, psikologi Islam amat diperlukan untuk membawa idea-idea tepat termasuklah penelitian pengkaji terhadap novel yang bertajuk *Penenun Cinta*.

### **Teori Psikologi Islam**

Psikologi Islam yang dibentuk menjadi satu kerangka teori merupakan salah satu cabang ilmu yang dibangunkan atas prinsip Islam bagi dihubungkaitkan dengan aspek kejiwaan manusia. Teori Psikologi Islam telah diperkenalkan oleh Abu Zaid-Al Balkhi yang seterusnya dipacu oleh ilmuwan Islam yang terkenal antaranya Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan al-Ghazali yang berperanan untuk mengkaji psikologi berasaskan citra agama Islam itu sendiri. Sejarah Islam misalnya telah mencatatkan 'Ali Ibn Sahl al-Tabari merupakan individu pertama yang berjaya menerapkan psikoterapi atau *al-'ilaj al-nafs* sebagai indikator dalam ilmu psikologi Islam untuk merawat jiwa manusia (Che Haslina Abdullah, 2013). Menurut Kamal Abdul Manaf (1995) turut memperjelaskan Teori Psikologi Islam berperanan dalam membentuk kualiti diri individu dan masyarakat yang lebih sempurna bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Menyedari hakikat tersebut, teori Psikologi Islam ini telah diperkasa dengan empat elemen utama yang penting iaitu pengkajian terhadap aspek jiwa atau hati manusia (*al-qalb*), spiritual (*al-ruh*), intelek atau pemikiran (*al-aql*) dan terakhir nafsu (*al-nafs*) iaitu kehendak manusia. Kesemua elemen ini menjadi inti pati penting dalam mendalami hakikat manusia menurut perspektif Islam. Al-Quran dan sunnah merupakan dua sumber autentik yang mampu menjadi garis panduan yang perlu diikuti. Teori Psikologi Islam yang digali dengan pengaplikasian ajaran al-Quran juga mampu membawa perubahan kepada sosial, pemupukan sifat baik yang mengikut Islam dan membentuk tamadun yang gemilang dan hebat.

Maka, penyebaran Psikologi Islam bukan sahaja melalui pengajaran secara lisan tetapi melibatkan pendidikan atau tarbiah melalui pengkaryaan sastera yang menjadi cerminan falsafah Islam. Secara langsung pembinaan ketamadunan Islam khususnya dalam konteks bahasa dan masyarakat Melayu menekankan prinsip karya sastera sebagai alat untuk mendidik ajaran agama. Perkara ini dikukuhkan oleh Mustafa Haji Daud (1998) yang menyatakan tamadun dalam bahasa Melayu merujuk kepada pencapaian insan dari aspek pemikiran (psikologi), kerohanian, kebudayaan dan kebendaan.

Maknanya, Psikologi Islam amat bersinonim dengan pembinaan tamadun Islam yang berjaya dan menggunakan karya sastera untuk membina pemikiran Islam mengikut acuan masyarakat Melayu sendiri. Keadaan ini menunjukkan kepentingan karya sastera berorientasikan Islam dan ini termasuklah bahan kajian yang dipilih oleh pengkaji iaitu novel *Penenun Cinta* karya Ibnu Ahmad Al-Kurauwi. Novel ini amat selari dengan aliran pemikiran Islam yang dibawa kerana karya ini mampu berfungsi sebagai alat pendidikan dan cerminan kepada Psikologi Islam.

Usaha penghuraian Psikologi Islam dalam novel *Penenun Cinta* dijalankan oleh pengkaji seperti Rajah 2, berasaskan kepada tiga prinsip utama teori ini iaitu asas kehidupan manusia atau fitrah manusia yang dipengaruhi oleh unsur hati, akal, ruh dan nafsu. Cabang kedua psikologi ini melihat kepada aspek kebudayaan dalam masyarakat yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Terakhir ialah elemen berbentuk strategik iaitu mengatasi masalah manusia dan konflik kejiwaan yang dialami menerusi mekanisme teori Psikologi Islam.

## Psikologi Islam Dalam Novel *Penenun Cinta*

Novel *Penenun Cinta* merupakan karya yang digarap dengan berteraskan unsur-unsur keislaman yang tergambar melalui pemilihan watak, latar sama ada masyarakat dan tempat yang berkait rapat dengan kehidupan Muslim. Segala perjalanan cerita telah mendedahkan fakta-fakta yang bersangkutan paut dengan pengajaran ilmu Islam yang dilihat secara menyeluruh. Tunjang novel *Penenun Cinta* yang berorientasikan wajah Islam yang dinukilkan oleh penulis membuktikan kesesuaian teori Psikologi Islam sebagai aliran utama pengkajian. Fokus utama dalam merungkai segala elemen psikologi berasaskan Islam akan mendominasi melalui pengaplikasian tiga prinsip yang bertepatan. Kesemua prinsip ini menjadi asas penganalisan Psikologi Islam iaitu perhubungan teori ini dengan hakikat manusia, permasalahan kebudayaan dengan agama serta peranan psikologi sebagai alternatif mengatasi konflik kejiwaan manusia di dalam watak.

### 1. Hubungan Psikologi Islam dengan fitrah manusia.

Hakikat atau fitrah manusia sebagai salah satu makhluk ciptaan Allah yang memiliki tanggungjawab sebagai khalifah dan hamba telah dinyatakan dalam surah *Al-araf*, ayat 172 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): “Bukankah Aku ini tuhanmu?”. Mereka menjawab. “Betul (Engkau Tuhan Kami), kami menjadi saksi”.*

Menerusi ayat tersebut, kesedaran manusia terhadap perjanjian azali yang telah menjadi ikatan antara manusia dengan Allah membuktikan setiap makhluk yang bergelar manusia perlu menjalani kehidupan di dunia ini dengan berpandukan ajaran Islam yang sebenarnya. Maka, aspek kejiwaan manusia di dunia realiti tergambar melalui watak di dalam *Penenun Cinta*. Oleh itu, aspek dalaman jiwa manusia ini berteraskan kepada empat elemen yang dicerakinkan di dalam psikologi Islam seperti dalam Rajah 3, iaitu *al-aql* (akal), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (nafsu) dan *al-ruh* (spiritual). Kesemua elemen ini dapat dihubungkan dengan manusia secara terus. Penerapan elemen ini terpancar melalui setiap tingkah laku atau perwatakan watak di dalam novel *Penenun Cinta*.

Kedadaan ini dikukuhkan lagi oleh Fariza Md Sham (2016) yang menyatakan Allah adalah tempat untuk setiap diri manusia mengadu akan kelemahan diri dan segala pengharapan. Hal ini kerana hanya Allah yang mengetahui apa sahaja tersemat di dalam sanubari hambanya. Oleh itu, teori Psikologi Islam yang menekankan kebergantungan hambanya sebagai satu fitrah terlihat dengan watak dipaparkan oleh penulis iaitu hamba yang sedar akan kerdilnya diri dan pengharapan yang penuh kepada Allah.

*“Tuhan lepaskanlah aku dari segala gundah gulana yang meresahkan, Tuhan andai Engkau mahu menguji, ku terima ujian ini sebagai tanda cintamu, namun berikanlah ujian yang mampu bahu ini memikulnya”.* (*Penenun Cinta*: halaman 83)

Sehubungan itu, elemen Psikologi Islam yang pertama ialah unsur akal atau *al-aql* bukan sahaja menjadi bukti keistimewaan manusia sebagai makhluk ciptaan yang terpilih. Malahan, akal adalah satu kurniaan yang menguasai kejiwaan dan psikologi manusia. Dengan adanya

akal manusia mampu berfikir dan membezakan perkara yang baik atau sebaliknya. Akal juga sebagai satu entiti yang bersifat ilmu dan terletak pada hati semua manusia. Akal berfungsi untuk manusia membentuk pelbagai tanggapan dengan penggabungan dalil-dalil naqli yakni al-Quran dan sunnah dengan data-data yang bersifat empirikal.

Buktinya, melalui *Penenun Cinta* perspektif tentang peranan akal kepada insan bergelar Haji Azman itu terlihat jelas apabila watak berfikir akan besarnya pengorbanan seorang nabi yakni Rasulullah. Baginda telah menjalankan tugas sebagai hamba meskipun telah dijanjikan syurga oleh yang maha Esa. Situasi ini telah menerobos masuk ke dalam pemikiran watak yang menyedari betapa rugi dirinya yang tidak pernah mampu mencontohi keperibadian mulia yang ditampilkan oleh kekasih Allah itu.

Tuntasnya, hakikat keinsanan dalam diri setiap individu itu dipacu oleh akal yang membolehkan manusia sedar akan taklif yakni janji dengan Ilahi dan selari dengan hakikat kejadian manusia. Sekali gus, elemen Psikologi Islam iaitu akal bergerak sebagai lonjakan kepada individu yakni watak dalam mempertingkatkan keimanan dan ibadah yang ikhlas kepada Ilahi. Perkaitan elemen akal juga dilihat oleh pengkaji telah dapat ditunjukkan sebagai pendorong kepada usaha watak mencuba untuk memenuhi hak-hak Allah.

Kenyataan ini disokong oleh Yusof Al-Qardawy (1976) yang turut menerangkan syariah Islamiah menetapkan hak Allah untuk dipertuhankan dan ini menjadi bukti kewajipan manusia untuk percaya dengan kekuasaan Allah. Melalui *Penenun Cinta*, sudut pandang kepada hak Allah ini jelas tergambar menerusi monolog dalaman Haji Azman:

Akal saya menyuluh musibah. Iman mendudukan saya di perut gelap yang aneh itu, Istighfar mengulum dalam hati, cuba saya lahirkan di bibir. Mahu akal segera memintas segala kebaikan kurniaan tuhan. Mengapa mengadu kepada makhluk lain sedangkan tuhan yang sedang memandang?. (*Penenun Cinta*, halaman 15)

Dalam mencari erti fitrah manusia, elemen kedua iaitu hati atau *al-Qalb* turut memainkan peranan yang signifikan. Hati secara umumnya dapat dibahagikan kepada dua iaitu hati jasmani secara lahiriah yang merujuk kepada seketul daging di dalam diri manusia. Hati rohani adalah yang paling utama dan berkaitan dengan kalbu seseorang manusia dan ini tergambar melalui watak yang dinukilkan di dalam novel ini. Perhubungan hati rohani amat sejajar dengan fitrah penciptaan manusia kerana dengan adanya peranan hati maka manusia dapat menonjolkan sisi kebaikan dalam diri mereka. Hal ini dibuktikan oleh Fariza Mohd Sham (2016) yang menegaskan hati ini bersifat halus dan sebagai elemen utama kepada hakikat manusia yang sebenar iaitu mementingkan kebaikan dalam diri dan tindakan.

Cerminan fungsi *al-qalb* ini telah ditampilkan oleh penulis di dalam karya *Penenun Cinta* apabila unsur hati ini telah memangkin setiap penerapan nilai murni sebagai seorang Muslim. Hati yang suci dan baik akan membentuk keperibadian Muslim yang sejati. Tamsilanya, Haji Azman sering merasakan dirinya amatlah lemah dan kerdil. Maka, imam tua ini sering berkongsi ilmu yang dimiliki bukan dengan rasa bangga diri atau riak tetapi sebagai tanda kebaktian kepada hakikat seorang hamba. Penulis juga telah menekankan peranan hati kepada individu Islam yang mampu mengatasi nafsu yang sering membawa ke arah yang tidak baik.

Bimbinglah dengan kasih sayang kerana hidayah di tangan Allah. Menasihatilah dengan hati bukanlah dengan benci. (Penenun Cinta, halaman 163)

Jelaslah, bahawa elemen hati amatlah berperanan penting untuk membantu manusia berubah ke arah yang lebih baik kerana hati ini bersifat halus dan sentiasa membawa kebaikan. Haji Johari Haji Alias (1997) menyatakan dalam manusia mencari kesempurnaan pekerti maka hakikat kebahagiaan seorang manusia itu terletak kepada jiwa yang bersih dan hati yang tenteram kerana kebahagiaan itu sebenarnya tumbuh dalam diri mereka dan bukan datang dari luar.

Selanjutnya, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) meletakkan al-nafs atau dikenali sebagai nafsu merupakan antara elemen Psikologi Islam yang mempengaruhi kehidupan seseorang manusia termasuklah pembentukan watak dalam sesuatu karya sastera. Nafsu dapat dibahagikan kepada tiga kategori yang berbeza iaitu nafsu baik (*Muthmainnah*), nafsu jahat (*Ammarah*) dan ketiga ialah nafsu baik yang dapat mengatasi nafsu jahat (*Lawwamah*). Tatatingkat ini membuktikan nafsu ialah kehendak dan keinginan dalam diri manusia yang sering menguasai pemikiran dan kejiwaan. Justeru, penulis *Penenun Cinta* telah memaparkan perkaitan antara ketiga-tiga jenis nafsu ini dengan watak yang diangkat untuk menghidupkan jalan cerita novel ini.

Nafsu yang baik atau *Muthmainnah* dilihat sebagai entiti yang mempamerkan nafsu yang tenang dan mengajak manusia ke arah kebaikan sahaja. Dapat dikatakan juga, nafsu yang baik ini menjadi benteng kuat untuk setiap watak melepaskan diri daripada gejolak nafsu yang tidak sepatutnya. Buktinya, pengkaji mendapati penulis memasukkan aspek *Muthmainnah* apabila watak seorang pemuda kaya yang memiliki nafsu baik melalui sifat ihsan pemuda itu untuk bertawassul kepada Allah S.W.T. Selain itu, perasaan takut kepada Allah yang timbul dalam dirinya menjadi penanda penting kepada nafsu baik mendorong pemuda kaya itu untuk meninggalkan pujukan syahwat dan perbuatan maksiat.

Walau bagaimanapun, elemen nafsu jahat juga sering merajai kehidupan manusia yang cuba dipaparkan oleh penulis di dalam karya ini. Nafsu *Ammarah* ini bersifat negatif iaitu mengajak manusia untuk memenuhi segala kehendak diri tanpa melihat kepada hukum dan ajaran Islam yang sebenar. Keadaan ini terlihat melalui watak bonda kepada Haji Azman yang membiarkan hawa nafsu *Ammarah* ini menguasai diri sehingga ingkar dengan segala garis panduan agama Islam yang betul.

“Sayangnya, bonda masih tidak mahu menelan nasihat anakanda. Bonda membaca mengikut nafsu hingga rosak tajwid. Melulu-lulu membaca hingga khilaf bunyi dan tersasar lagu. Panjang pendek sama sahaja harkat kononnya mahu berlagu.”  
(*Penenun Cinta*, halaman 148)

Contoh di atas membuktikan nafsu yang tidak terkawal telah menatijahkan watak di dalam novel ini hilang pertimbangan baik hingga membaca kalam Allah secara semberono. Hal ini turut dikembangkan lagi dengan penyataan Fariza Md Sham (2016) yang mengaitkan hawa nafsu sebagai satu tabiat manusia yang boleh bergerak di bawah keadaan yang tidak baik seperti marah dan syahwat dan akhirnya dijelmakan melalui tingkah laku.

Penelusuran terhadap aspek ketiga *al-nafs*, iaitu nafsu baik mengatasi nafsu jahat dalam diri individu atau dipanggil Lawwamah. Pengaplikasian elemen ketiga ini turut dirangkumkan oleh penulis dalam novel *Penenun Cinta*. Ia menjadi citra penting kepada watak iaitu manusia yang amat memerlukan nafsu baik sebagai pedoman dan benteng mengatasi nafsu jahat di dalam diri individu. Pengkaji mendapati nafsu *Lawammah* ini memaparkan usaha kesedaran dalam diri yang mengikut Psikologi Islam yang luhur. Akhirnya, di dalam novel ini perihal seorang pemuda yang dapat mengatasi nafsu jahat dengan peringatan seorang gadis kepadanya dan ini menjadi bukti tentang kehadiran nafsu *Lawammah*. Nafsu jenis ini memperlihatkan juga aspek bermujahadah yang perlu dibina oleh manusia.

“Bertakwalah kepada Allah, jangan kau selak kainya kecuali dengan tangan yang berhak!. Telinga saya tergiang-giang teguran si gadis yang menyimbah api nafsu yang membakar diri pemuda kaya dengan jernih iman yang basah. (*Penenun Cinta*, halaman 193)

Secara keseluruhannya, unsur batiniah atau kejiwaan manusia melalui watak di dalam novel *Penenun Cinta* telah menjadi sarana penting untuk mengukuhkan pandangan tokoh sebelum ini. Gerak geri kemanusiaan di dalam *Penenun Cinta* juga turut diteroka secara empiris oleh pengkaji dengan melibatkan elemen selanjutnya yang menjadi tonggak Psikologi Islam iaitu ruh atau spiritual. Fariza Md Sham (2016) turut menekankan aspek spiritual atau ruh sebagai satu cabang psikologi Islam dalam hidup manusia. Ruh ini tidak dapat dilihat secara lahiriah yakni dengan pancaindera tetapi inilah keistimewaan fitrah manusia yang tidak dapat difahami secara empirikal tetapi diketahui oleh Allah.

Rentetan itu, segala aspek kejiwaan watak khususnya dalam novel *Penenun Cinta* menunjukkan hakikat ketuhanan dan kerabbian dalam penciptaan manusia oleh yang maha Esa. Menurut Sulaiman Haji Yassin (1993) menghuraikan peniupan ruh ke dalam diri manusia menjadi medium pembuktian ketuhanan yang satu kepada Allah dan tanda kekudusan dan ketinggian cinta dalam diri manusia. Menyedari hubungan rohani manusia dengan sang pencipta amat penting maka pengkaji telah berjaya menghuraikan dan memberikan contoh seperti di bawah.

“Ya Allah berikanlah cahaya pada hatinya agar tidak mati, berikan cahaya pada lidahnya agar terus menyebut namamu, berikan cahayamu kepada telinganya untuk mendengar kalimah mu dan berikanlah cahaya pada matanya untuk menyuluh kegelapan ini”.  
(*Penenun Cinta*, halaman 76)

Justeru, perhubungan spiritual ini menjadi wahana terbaik untuk manusia khususnya cerminan watak di dalam karya ini untuk kembali kepada pengharapan dan cinta sejati iaitu kepada Allah S.W.T. Seterusnya, dapat meningkatkan keimanan kepada Ilahi seiring dengan teori Psikologi Islam. Tuntasnya, unsur penceritaan yang diaplikasikan oleh penulis menerusi dialog dan monolog watak dalam *Penenun Cinta* merupakan bukti kukuh bagi menyokong prinsip perhubungan hakikat manusia dengan empat elemen psikologi Islam yang digariskan pengkaji iaitu akal, hati, ruh dan nafsu.

## **2. Masalah kebudayaan masyarakat yang menyeleweng daripada Islam**

Kebudayaan dan adat sering membawa kepada permasalahan yang jelas di dalam kehidupan masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Konflik ini juga telah diadun oleh penulis novel *Penenun Cinta* menerusi latar masyarakat yang ditampilkan di dalam karya beliau. Pengkaji

mendapati permasalahan adat dan kebudayaan Melayu khususnya tidak dapat dinafikan umpama barah yang sering bertentangan dengan ajaran agama yang sebenar. Oleh yang demikian, menyedari hakikat ini pengkaji melihat penulis yang merupakan seorang penulis Muslim juga berasa bertanggungjawab untuk menjadikan novel *Penenun Cinta* sebagai mandala terbaik untuk memberikan pencerahan tentang isu budaya dan agama yang tidak selari.

Perkara inilah yang telah ditonjolkan oleh penulis dalam usaha memberikan pedoman kepada pembaca *Penenun Cinta*. Penyelewengan kebudayaan dan adat kepercayaan ini telah dikukuhkan lagi oleh pendapat Malik Badri (1979) yang menjelaskan masalah kebudayaan dan kepercayaan dalam sosial yang diamalkan oleh masyarakat Muslim sering terpesong dengan prinsip Islam yang sebenar. Secara langsung. Pengkaji juga memperlihatkan kerisauan penulis novel *Penenun Cinta* tentang kelemahan penguasaan ilmu agama dan keperibadian Muslim sejati sehingga budaya khurafat ini mampu menjauhkan mereka dari keimanan kepada Allah.

Dari aspek metodologi, unsur kejiwaan masyarakat Muslim perlu terus digembleng oleh para ilmuwan Islam dan penulis merupakan individu yang bertanggungjawab mengalas peranan ini agar tahap keimanan yakni akidah dan perbuatan mereka terus berlandaskan Islam. Pengkaji turut merungkai beberapa contoh kebudayaan masyarakat yang diselitkan di dalam novel *Penenun Cinta* bagi memberikan gambaran kepada dunia realiti. Hal ini kerana, penulisan kreatif yang sering dikaitkan dengan imaginasi dan khayalan sebenarnya ialah satu tanggapan yang salah.

Penulis Ibnu Ahmad Al-Kurauwi misalnya melalui karyanya telah memasukkan pembuktian terhadap konflik kejiwaan yang berlaku dek kerana amalan dan adat yang jelas bertentangan dengan Islam. Oleh itu, pengkaji memecahkan permasalahan kebudayaan ini kepada empat aspek utama yang dapat dizahirkan dalam karya ini. Antaranya, permasalahan didikan ibu bapa yang sering membentuk pemikiran anak-anak dengan kepercayaan karut. Kedua, ialah masalah kepercayaan dalam masyarakat yang boleh membawa kepada perbuatan syirik secara tersembunyi atau terang terangan. Penetapan kelas sosial masyarakat yang sering diamalkan jelas salah di sisi Islam. Terakhir, masalah sikap masyarakat Melayu yang lupa dalam membudayakan sunnah Rasulullah sebagai contoh teladan.

Pelbagai amalan yang dipraktikkan oleh manusia seperti di dalam *Penenun Cinta* menggambarkan pelbagai masalah sering berlaku termasuklah pendidikan ibu bapa yang tidak berteraskan Islam. Tamsilnya, perbuatan ibu bapa yang sering menakutkan anak-anak dengan kegelapan dan menyatakan gelap itu simbolik kepada syaitan dan hantu jembalang merupakan salah satu isu yang telah dibangkitkan oleh penulis. Walaupun konotasi gelap dengan cerita tahyul sering dianggap enteng oleh ibu bapa namun sebenarnya budaya ini memberikan kesan mendalam kepada psikologi anak-anak. Akhirnya, anak-anak akan merasakan gelap itu sebagai bencana yang menakutkan. Oleh itu, penulis cuba menjernihkan keadaan ini dengan menjelaskan bahawa gelap itu adalah satu makhluk ciptaan Allah. Gelap juga bukan tanda ketakutan tetapi satu nikmat yang diberikan kepada manusia.

“Melihat kekalutan anak-anak membuat saya tersenyum. Bagi mereka kegelapan ialah wajah jembalang yang tiba-tiba datang menyergah. Di hujung senyum, ada sesal yang terkulum. Inilah padahnya apabila cerita hantu menjadi bahan bacaan dan tontonan mereka sehari-hari”  
(*Penenun Cinta*, halaman 18)

Sehubungan itu, penulis juga sedaya upaya mengubah persepsi buruk tersebut dan menjadikan karya sebagai mekanisme terbaik mendidik ibu bapa agar menjauhkan kepercayaan tahyul kepada anak-anak. Hal ini kerana pendidikan bermula daripada ibu bapa amat penting sebagaimana yang diterangkan oleh Yusof Al-Qardawy (1976) menegaskan anak-anak adalah harta berharga yang dikurniakan kepada ibu bapa dan umpama bunga kehidupan maka ibu bapa yang mencorakkan akhlak dan peribadinya.

Kepercayaan terhadap kuasa asing selain daripada Allah S.W.T juga turut ditekankan oleh penulis di dalam novel ini. Perbuatan tersebut sudah pasti boleh membawa kepada perbuatan syirik dalam masyarakat. Keadaan ini disuarakan menerusi watak di dalam novel ini yang mengisahkan seorang wanita iaitu ibu kepada Ramadan yang percaya seorang lelaki berjubah putih yang selalu hadir dalam mimpi anaknya merupakan pelindung dan penjaga Ramadan. Namun, peranan watak Haji Azman yang dibentuk oleh penulis telah mampu mengatasi tanggapan ini dengan menyatakan lelaki berjubah putih itu bukanlah pelindung tetapi hanyalah syaitan dan jin yang menyesatkan akidah manusia. Hal ini seiring dengan pandangan Sidi Gazelba (1983) yang menerangkan sosiobudaya masyarakat sering bertentangan dengan prinsip Psikologi Islam hingga amalan yang salah dibudayakan dalam kehidupan.

Penulis turut membuktikan jiwa manusia boleh sahaja sesat dengan mudah dan akhirnya perkara ini boleh menjadi syirik tersembunyi dan bukanlah secara terang-terangan seperti sihir, santau dan jampi serapah. Pentingnya keimanan terhadap Muslim turut ditekankan oleh Mohammad Asin Abdullah (1998) yang menerangkan teori psikologi berlatarkan Islam memiliki tujuan utama untuk melahirkan masyarakat yang hidup untuk mencari keredaan dan keberkatan daripada Allah yang Maha Kuasa.

Semangat Assabiyah yang diamalkan oleh orang Arab jahiliah menjadi citra yang hampir sama dengan konteks masyarakat Melayu yang ditampilkan dalam *Penenun Cinta*. Bukanlah bangsa yang menjadi ukuran tetapi darjat dan harta sering menjadi tetapan penting yang ditekankan oleh masyarakat. Walhal perkara ini secara jelas bertentangan dengan prinsip Islam yang syumul. Pengalaman haji Azman selama belajar di Jordan membuktikan semangat perkauman atau bangsa tetap utuh apabila terdapat segelintir masyarakat Arab yang tidak senang dengan kehadiran haji Azman sebagai imam. Hal ini berlaku kerana mereka lebih suka bangsa mereka sendiri yang memimpin dalam hal agama termasuklah solat. Persoalannya, inikah yang diajarkan oleh Rasulullah yang tidak pernah memandang darjat dan bangsa manusia kerana takwa dan keimanan yang membezakan mereka di sisi Allah. Budaya ini turut menular dan ditunjukkan oleh penulis melalui luahan hati seorang lelaki berbangsa Arab iaitu ayah angkat kepada Haji Azman.

“Mana mungkin seorang lelaki berbangsa Arab yang tebal dengan semangat kabilah boleh menawarkan anak gadisnya untuk dijodohkan dengan lelaki luar bangsa dan negara. Bukan legasi seperti itu yang mereka mahu!  
(*Penenun Cinta*, halaman 219)

Akhir sekali, permasalahan masyarakat yang tidak menjadikan sunnah nabi sebagai panduan hidup menyebabkan amalan seharian yang dipraktikkan tidak seiring dengan syiar Islam. Penerapan psikologi atau pemikiran Islam ini amat berkait rapat dengan peranan Rasulullah sebagai contoh terbaik seperti sabda baginda yang diriwayatkan oleh Imam Malik.



“*Sesungguhnya Aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak*”.

Teori Psikologi Islam turut menerangkan al-Quran dan sunnah nabi ialah tonggak utama rujukan manusia. Namun, latar masyarakat dalam novel ini memperlihatkan sunnah nabi kurang diamalkan dalam kehidupan mereka. Seterusnya, menatijahkan kehidupan yang hanya berkiblatkan kehendak diri semata-mata. Perkara ini telah dirangkumkan oleh penulis dalam novel *Penenun Cinta*. Tamsilnya, perihal watak Haji Azman yang menjamah makanan terhidang dengan penuh nafsu sehingga berkat doa telah terhakis dek kerana kelaparan yang menguasai diri. Di manakah, amalan yang diajarkan nabi? Penulis turut membangkitkan isu ini dengan lebih dramatik apabila Haji Azman terkejut melihat seorang lelaki berjanggal pandak yang tidak menghabiskan separuh makanannya dan kelihatan sesal memandang saki baki makanan. Lalu lelaki itu menadah tangan dan berdoa:

“Tuhan andai rezeki yang tidak terhabiskan ini dibebankan dengan dosa maka ampunkanlah aku. Bukanlah menolak rezeki Mu atau kufur segala nikmatmu.”

(*Penenun Cinta*, halaman 295)

Peristiwa ini membuktikan amalan nabi yang mengajarkan manusia untuk makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang merupakan amalan yang asas untuk dipraktikkan. Namun, masyarakat Melayu sering kali menolak sunnah ini dan menganggap makan hanya satu kewajipan tanpa memikirkan kemudaratan makanan yang dijamah. Kesemua masalah amalan dan kepercayaan yang dibudayakan oleh masyarakat Muslim khususnya telah berjaya diutarakan oleh penulis dalam novel ini.

Keseluruhannya, isu kebudayaan yang menyeleweng dengan Islam telah ditonjolkan oleh penulis dengan penggunaan latar yang amat baik. Perbandingan budaya dan adat menerusi masyarakat Arab dan Melayu ialah contoh latar masyarakat Muslim yang digunakan. Latar tempat iaitu masjid dan negara Jordan misalnya mencerminkan ciri Islam itu sendiri. Latar masa iaitu semasa mengalami koma dan segala kenangan yang diimbas kembali serta kebergantungan kepada Allah turut membantu penceritaan novel ini.

### **3. Psikologi Islam medium mengatasi konflik kejiwaan manusia**

Konflik kejiwaan sering melanda manusia dan fenomena ini turut terpancar melalui plot cerita dan watak di dalam novel *Penenun Cinta*. Oleh itu, peranan penting Psikologi Islam dilihat amat signifikan sebagai instrumen atau metode untuk membantu manusia khususnya masyarakat yang berlatarkan Islam. Hal ini kerana, konflik jiwa yang sering dialami sebenarnya berpunca daripada kerapuhan pegangan agama dan dilatari oleh kelemahan akidah Islamiah. Hal ini turut diperjelaskan menerusi Hassan Langulung (1996) yang menekankan Psikologi Islam yang dibangunkan oleh ahli fikir Islam sebenarnya bukan sahaja mengajar manusia kembali kepada pegangan agama Islam tetapi turut memfokuskan kepada rawatan kejiwaan, nilai kaunseling dan kesihatan mental masyarakat Muslim itu sendiri.

Selain itu, fungsi Psikologi Islam ialah mengembalikan jiwa manusia kepada hakikat kejadiannya yang bersih dari sebarang kekotoran *hissi* (fizikal) dan *maknawi* (sifat-sifat keji seperti takabbur dan hasad dengki) kepada jiwa kehambaan sebagai makhluk Allah SWT. Di samping itu, memperbaiki segala tingkah laku yang melanggar perintah Allah. Menyedari hal ini maka penulis tidak terlepas pandang akan konflik kejiwaan dan beberapa masalah

berkaitan jiwa watak telah digarap dengan baik (dalam Rajah 5). Konflik percintaan sesama manusia sering menyebabkan manusia lupa terhadap cinta Ilahi.

Keadaan ini terjadi kepada Nur seorang gadis muda yang mengalami tekanan perasaan apabila cintanya kepada seorang lelaki hanyalah tipu belaka kerana dia telah mencintai suami orang. Justeru, peranan Psikologi Islam jelas terlihat dengan adanya watak Haji Azman yang menasihati Nur agar menjauhi perbuatan tersebut dan kembalilah kepada Allah kerana Allah adalah sebaik-baik tempat mengadu segala keduakaan di dalam jiwa manusia.

“Ada banyak cinta yang patut didahulukan. Cinta tuhan setinggi mana?. Cinta kepada nabi sudah terjangkaukah? Cinta ibu bapa, mengapa tidak diletakkan di tempat utama.  
(*Penenun Cinta*, halaman 206)

Seterusnya, masalah psikologi tentang jihad di jalan Allah yang sering disalah anggap turut dipaparkan oleh penulis. Keadaan ini bertitik tolak kepada kesedaran penulis tentang isu golongan ekstremis agama seperti gerakan Daesh di Timur Tengah yang tidak faham tentang erti pengorbanan terhadap agama yang sebetulnya. Oleh itu, cetusan idea ini dizahirkan menerusi watak Imran seorang pemuda yang ingin berjihad dengan pergi ke medan perang di bumi Iraq dan Palestin.

Semangat kecintaan terhadap agama tidak menjadi masalah tetapi konflik berlaku apabila konsep jihad salah difahami. Maka, penulis menonjolkan fungsi Psikologi Islam dalam mengubah persepsi salah tersebut. Haji Azman mengaitkan jihad dengan kisah Uwais al-Qarni yang membuktikan jihad kepada islam terbuka dalam pelbagai medium termasuklah jasa menjaga ibu bapa yang masih hidup. Di sinilah, penulis memupuk kepentingan ilmu agama kerana usaha memerangi nafsu juga merupakan sebuah jihad. Keperluan manusia terhadap ilmu turut dikukuhkan oleh Abu Al-Mawdudy (1975) yang menerangkan hajat manusia kepada ilmu dalam membantu keyakinan mereka terhadap Allah dan rasulnya.

Konflik kejiwaan yang melibatkan masyarakat Muslim dengan bukan Islam turut dirangka oleh penulis dalam novel *Penenun Cinta*. Keadaan ini kerana, dalam kehidupan realiti masalah perselisihan faham antara orang Islam dengan agama lain tetap berlaku. Buktinya, pemahaman Ramesh seorang penganut Hindu yang menganggap orang Islam tidak suka kepada haiwan yang dianggap haram seperti anjing. Sehingga ini boleh membentuk stereotaip yang buruk terhadap umat Islam yang membeza-bezakan makhluk bernama haiwan. Jelaslah, penulis telah dapat mengatasi konflik dan tanggapan serong ini dengan kejadian kepala seekor anjing yang tersepit dan haji Azman telah membantu anjing tersebut.

Penulis turut menjelaskan haiwan yang diharamkan oleh Islam bukanlah tanda kebencian kerana Islam menganjurkan sedemikian berasaskan perintah Allah yang pasti ada hikmahnya. Tanggungjawab sesama makhluk ciptaan yang Esa tetap sama dan Islam membolehkan umatnya untuk memegang anjing misalnya pada waktu darurat seperti kejadian tersebut. Justeru, kejadian yang ditampilkan oleh penulis telah menyokong semula pemahaman psikologi Islam yang syumul dan benar. Seterusnya, erti kebahagiaan sejati yang dimiliki oleh setiap ibu bapa apabila mereka dikurniakan cahaya mata. Tetapi dalam karya ini mengangkat konflik mandul yang tidak dilihat secara lahiriah tetapi dikaitkan dengan sikap anak-anak yang enggan mendoakan ibu bapa mereka semasa hidup dan apatah lagi setelah menghadap Ilahi. Justeru, konflik ini amat signifikan dalam masyarakat kita dasawarsa ini. Segala konflik yang diutarakan oleh pengkaji adalah untuk meletakkan

semula kedudukan psikologi Islam sebagai medium untuk mengatasi permasalahan yang berlaku dalam diri manusia.

### **Kesimpulan**

Cetusan idea penulis dalam novel *Penenun Cinta* telah bergerak sebagai wahana penting untuk mencitrakan fakta pemikiran dan unsur kejiwaan masyarakat Muslim. Segala prinsip yang terdapat di bawah kata kunci Psikologi Islam telah dapat diperkembangkan sebagai panduan dalam merungkai falsafah Islam di dalam novel ini. Hakikat manusia dan hubungannya dengan empat elemen teori Psikologi Islam iaitu akal, hati, nafsu dan spiritual mampu membuka ruang pemikiran para pembaca tentang bagaimana semua elemen ini bersangkut paut dalam membentuk keperibadian mereka. Psikologi Islam yang ditumpukan oleh pengkaji juga bertitik tolak kepada fungsi utama untuk mendidik manusia agar kembali kepada fitrah dan tugas sebagai khalifah dan hamba kepada Allah S.W.T.

Penulis turut cakna terhadap permasalahan kebudayaan masyarakat dan konflik kejiwaan dalam kalangan umat Muslim hingga isu ini dibangkitkan dalam *Penenun Cinta*. Segala amalan dan kepercayaan yang tidak berteraskan Islam telah dapat ditambah baik dengan penekanan ajaran dan hukum agama yang ditonjolkan oleh penulis. Segala pedoman dalam karya ini menjadi aspirasi penting kepada pembentukan jati diri Muslim yang luhur dan terpuji. Tidak dinafikan, *Penenun Cinta* ialah sebuah novel yang berjaya menegakkan syiar Islam yang sebenar dan paksi kepada kebergantungan manusia mencari erti cinta sejati kepada Allah S.W.T. Novel ini juga dapat membuktikan ketiga-tiga prinsip yang dikemukakan di bawah Psikologi Islam amat signifikan dalam penganalisan yang dilakukan oleh pengkaji. Ekspresi Psikologi Islam jelas ditonjolkan dalam *Penenun Cinta*!

**Mohd Khusyairi Daud, Sharil Nizam Sha'ri,  
Rohaidah Kamaruddin, Ibrahim Latola & Mohamad Suhaizi Suhaimi**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.